

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (26)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2021-2022)
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

Tarikh : 30 Mac 2021 (Selasa).
Masa : 10.30 Pagi – 11.45 Pagi.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 9 minit 12 saat yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Februari dan Mac 2021.

Unit Komunikasi Korporat turut menayangkan video berkaitan Pelan Strategik MBPJ 2021-2025. Tayangan video tersebut adalah sebahagian Pelan Komunikasi bagi hebahan di peringkat pengurusan tertinggi dan Ahli Majlis. Pelan strategik ini memaparkan ciri-ciri utama meliputi visi, misi, teras strategik, strategik, pelan tindakan/program, petunjuk prestasi/indikator dan sasaran pencapaian.

3. PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada edisi kali ini. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas



kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan program dan perkhidmatan.

Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan. Beliau juga mengharapkan agar tanggungjawab yang digalas dapat dipertingkatkan seiring dengan visi dan misi Majlis.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Oleh yang demikian, beliau memohon kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik buat warga Petaling Jaya.

3.1 PIHAK BERKUASA TEMPATAN TURUN PADANG

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri Malaysia, menyeru semua Pihak Berkuasa Tempatan lebih kerap turun ke lapangan bagi meninjau dan memahami masalah kakitangan yang bertemu dengan orang ramai bagi menyelesaikan urusan seharian.

Penularan Covid-19 tidak harus menjadi penghalang dalam usaha kerajaan memperkasakan sektor awam ke arah perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan mesra rakyat. Kakitangan awam perlu membudayakan norma baharu dalam cara kerja supaya perkhidmatan dapat disampaikan secara efektif kepada golongan sasaran.

Dalam meneruskan agenda ini, kerajaan menekankan inisiatif untuk menambah baik aspek integriti dan tadbir urus termasuk melalui usaha membanteras rasuah. Oleh kerana PBT antara warga kerja barisan hadapan yang sering terdedah dengan tarikan rasuah, maka usaha membanteras jenayah ini perlu kekal sebagai agenda penting.

Harus diingatkan, kita telah dipertanggungjawabkan menjaga keperluan masyarakat termasuklah memastikan keperluan sosial dan keselesaan seperti kemudahan awam, perumahan, pengurusan sisa, penguatkuasaan dan sebagainya.

Selain itu, kita juga turut berperanan memerangi wabak Covid-19 yang kini sedang melanda seluruh negara. Kita juga perlu komited menjaga Petaling Jaya dalam pelbagai aspek yang dipertanggungjawabkan kepada kita.



MBPJ harus mengekalkan kecemerlangan dalam perkhidmatan seperti tahun-tahun sebelum ini untuk memastikan Petaling Jaya terus menjadi sebuah bandar raya yang lebih baik daripada yang lain dan menyahut arahan YAB Perdana Menteri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Walaupun menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, namun semua operasi dan perkhidmatan berjalan seperti biasa malah turut ditingkatkan bagi membantu perkembangan ekonomi negara.

Di dalam mempercepatkan perkembangan ekonomi di Negeri Selangor, (dijangka ekonomi negara akan pulih pada tahun 2024) PBT berperanan untuk mempercepatkan proses kelulusan terutama yang melibatkan pelabur asing/tempatan.

Selain daripada itu, beliau meminta agar Ahli Majlis mewar-warkan pendaftaran suntikan vaksin Covid-19 kepada penduduk dengan mengadakan kempen memandangkan Selangor adalah diantara negeri yang paling rendah membuat pendaftaran suntikan tersebut.

3.2 PENJAJARAN SUMBER KERAJAAN

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam melakukan penjajaran sementara kesemua sumber dan fasilitinya termasuk kakitangan awam berikutan pelaksanaan Ordinan Darurat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyahut saranan Kerajaan dengan penggunaan optimum aset di bawah seliaan Majlis seperti kenderaan jabatan, aset atau fasiliti dan kakitangan Majlis. Ini bertujuan bagi menyokong kelancaran operasi perkhidmatan kritikal agar lebih bersepadu dan terselaras. Antara pelaksanaan MBPJ yang menyokong saranan kerajaan ini adalah seperti berikut :-

- i) Dewan Serbaguna Kg. Lindungan di PJS 6 dijadikan sebagai pusat ujian Saringan Covid-19 saringan bersasar komuniti.
- ii) Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dengan menjahit pakaian perlindungan diri (PPE) dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.
- iii) Penghasilan pelindung muka atau *face shield* secara *Do It Yourself* (DIY) oleh kakitangan Jabatan Penguatkuasaan untuk diserahkan kepada agensi yang memerlukan. Sebanyak 2500 unit pelindung muka telah berjaya disiapkan untuk kegunaan petugas barisan hadapan.



- iv) Kakitangan Majlis dari pelbagai Jabatan turut terlibat dalam aktiviti membantu menangani masalah pandemik Covid-19 bersama agensi lain seperti melaksanakan sanitasi di kawasan dan bangunan-bangunan awam.
- v) Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi premis-premis atau individu yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP).
- vi) Melaksanakan penggiliran kerja yang sistematik bagi kakitangan dalam memastikan perkhidmatan perbandaran yang disediakan tidak terjejas.

Selaras dengan gaya hidup, suasana dan norma baharu ini, beliau menyeru agar semua Ketua Jabatan, pegawai dan semua warga kerja MBPJ terus komited dalam menjalankan tugas-tugas selari dengan hasrat dan usaha Kerajaan dalam melaksanakan penajaran semua sumber Kerajaan dapat dioptimumkan sepenuhnya. Selain itu juga, ianya bagi menyokong kelancaran perkhidmatan Majlis yang menyeluruh demi memastikan kehendak penduduk dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

3.3 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA ANGKAT MARTABAT WANITA

Dalam membangun tadbir urus sesebuah organisasi dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, peranan golongan wanita sangat penting. Pembabitan golongan wanita dalam kepimpinan adalah sangat signifikan dalam mencapai setiap sasaran dan matlamat pembangunan mampan yang memerlukan keterlibatan semua pihak. Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik juga dilihat begitu dominan dewasa ini.

Penyertaan wanita dalam setiap peringkat pada era masa kini semakin membanggakan. Hal ini, jika dilihat setiap lapisan kepimpinan negara, keterlibatan golongan wanita dalam mempelbagaikan dan merencanakan pertumbuhan sektor pembangunan negara dalam menghasilkan suatu keputusan yang positif selain dapat meningkatkan produktiviti amat tinggi.

Tema Hari Wanita pada tahun ini, Wanita Bangkit Mendepani Cabaran amat bertepatan dengan peranan wanita dalam pelbagai bidang di sektor awam mahupun swasta juga dilihat mampu untuk menstabilkan dan membentuk persekitaran yang dinamik dan kondusif yang menjadi nilai tambah kepada organisasi yang diwakili.



Menyedari situasi ini, Kerajaan telah merangka pelbagai strategi yang khusus dalam menambah variasi peranan wanita dengan cara yang lebih berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan. Usaha yang gigih perlu diambil bagi membantu wanita untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Ia sekali gus, menterjemahkan segala usaha pembangunan supaya kepentingan dan penyertaan wanita dapat diintegrasikan sumbangan mereka ke arah pembangunan negara maju.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali mengangkat peranan wanita di setiap peringkat. Bermula di peringkat kepimpinan tertinggi sehinggalah ke kumpulan sokongan, peranan wanita di Majlis menjadi nilai tambah kepada kecemerlangan dan kegemilangan yang ditempa Majlis di peringkat antarabangsa dan nasional. Setiap 8 Mac saban tahun, Majlis tidak terkecuali mengiktiraf Sambutan Hari Wanita. Pengiktirafan ini mencerminkan kesungguhan Majlis untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan berintegriti.

3.4 **MEWUJUDKAN SUDUT KOLEKSI KEMUDAHAN BRAILLE DI PERPUSTAKAAN KOMUNITI PETALING JAYA**

Bagi mewujudkan peluang sama rata kepada semua golongan pengguna perpustakaan, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (PKPJ) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sudut koleksi buku braille khusus untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan.

Kemudahan ini adalah bertujuan untuk menyediakan bahan bacaan khusus kepada golongan buta penglihatan agar budaya membaca ini terus disuburkan dalam kalangan mereka dan tidak membiarkan mereka rasa terpinggir ketika mengunjungi PKPJ.

Buat masa kini, pihak perpustakaan sedang berusaha untuk mendapatkan koleksi buku-buku braille ini daripada beberapa pembekal. Pihak perpustakaan juga telah mengadakan lawatan kerja ke KL Braille Resources dan juga Pusat Pembelajaran Kejurangan Presint 9 bagi mempelajari dan meninjau perkhidmatan yang disediakan khusus untuk OKU buta penglihatan. Selain itu, PKPJ juga turut mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan koleksi braille ini menepati keperluan dan kehendak golongan kelainan upaya buta penglihatan kelak.



Diharapkan agar dengan adanya koleksi braille ini akan dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada golongan kurang upaya buta penglihatan untuk terus menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan khususnya dan pihak MBPJ amnya.

3.5 BAZAR RAMADAN

Kerajaan Negeri telah meluluskan e-Bazar Ramadan secara bersemuka dengan pematuhan SOP yang ketat yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sehubungan itu, Majlis telah menawarkan sebanyak 25 lokasi dengan jumlah petak adalah sebanyak 921 petak. Sebanyak 20 lokasi bazar dikendalikan oleh majlis sementara selebihnya 5 lokasi dikendalikan oleh pihak swasta dengan syarat-syarat lesen/permit dan SOP MKN. Kerjasama daripada peniaga dan pelanggan amat diharapkan bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Bazar Ramadan akan dikawal ketat oleh pihak RELA.

3.6 JELAJAH `KITA SELANGOR`

Program jelajah `Kita Selangor` oleh YAB Datuk Menteri Besar Selangor ke Parlimen Petaling Jaya dijadualkan pada 3 April 2021. Bersekali dengan perasmian Pasar Seksyen 17, Majlis turut bercadang menjayakan Program Bingkisan Mesra Selangor iaitu pemberian `food basket` kepada pemandu bas sekolah dan pemandu teksi.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)

4.1.2 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 1 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 26 Februari 2021 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:

5.1 LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022) YANG TELAH DIADAKAN PADA PADA 26 FEBRUARI 2021.

Tiada



6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 1 MAC 2021, 16 MAC 2021 DAN 23 MAC 2021.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (62))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (64))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (66))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 15 MAC 2021.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (149))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 15 MAC 2021.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (120))

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Perolehan), MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 16 MAC 2021.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (86))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:

Pindaan bagi perkara I perenggan 5 di muka surat 12

... juga kecewa dengan pembersihan longkang di mana sampah sarap dan pasir di dalam longkang masih ada.



Pindaan bagi nama bangunan, perkara 7.6.1 di muka surat 17

Cempaka Budi Sludge di pinda ke Cempaka Budies Lodge.

Pindaan bagi perkara 7.9.1 perenggan 1 di muka surat 18

Beliau bertanyakan maklumbalas berkenaan aduan 7.3.1 dan 7.3.2 yang dilaporkan...

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 17 MAC 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (82))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 MAC 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (59))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:

Tambahan bagi perkara 4.1.19.2 i) perenggan 3 di muka surat 61

... untuk melantik Jurutera bertauliah dan berkecuali bagi...

Pindaan bagi perkara 4.4.8 di muka surat 344

Bil.	Syor Mesyuarat J/K Teknikal Bandar Selamat Bil. 1/2021	Keputusan Mesyuarat
1.	Mesyuarat telah <u>membuat keputusan</u> seperti berikut:- i. Permohonan Komuniti Berpengawal oleh Persatuan Penduduk SS 3 Sg. Way Subang akan dirujuk kepada Ybhg. Datuk Bandar di Mesyuarat Jawatankuasa	Mesyuarat <u>mengambil maklum</u> dan telah <u>membuat keputusan</u> seperti berikut:- i. Mesyuarat <u>bersetuju</u> supaya Persatuan Penduduk SS 3 Sg. Way Subang mengemukakan



	<p>Perancangan Bandar untuk pertimbangan setelah mengambilkira justifikasi-justifikasi pihak pembantah.</p> <p>ii. Persatuan Penduduk SS 3 Sg. Way Subang dikehendaki membayar semua kos yang terlibat bagi tindakan perobohan kepada pihak Majlis.</p>	<p>senarai keahlian persatuan kepada Jabatan Perancangan Pembangunan bagi tujuan semakan lanjut berhubung dakwaan pihak pembantah yang mempertikaikan kesahihan persetujuan penduduk sebanyak 91.92% yang telah dikemukakan sebelum ini.</p> <p>ii. Mesyuarat <u>bersetuju</u> untuk menengguhkan pertimbangan semula terhadap Permohonan Komuniti Berpengawal oleh Persatuan Penduduk SS 3 Sg. Way Subang sehingga pihak Persatuan Penduduk mengemukakan senarai penuh keahlian persatuan dan Jabatan Perancangan Pembangunan membuat semakan dan pengesahan lanjut terhadap kesahihan senarai persetujuan penduduk.</p>
--	---	---

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.



6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 18 MAC 2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (61))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:

Tambahan ayat bagi perkara 5.1.1 a) 3) perenggan baru

Jabatan Landskap dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran diminta untuk mengambil tindakan segera serta membuat perbincangan semula dengan pihak Polis bagi membincangkan isu gagak ini.

Pindaan bagi perkara 7.3.1 a) perenggan 4 di muka surat 37

...pembersihan ke atas kawasan rumah pemilik di No. 14...

Pindaan bagi perkara 7.3.1 b) perenggan 2 di muka surat 37

... membersihkan kawasan di luar rumahnya, walaupun arahan pembersihan dan notis telah diserahkan memandangkan...

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan
Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH
19 MAC 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (58))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:

Tambahan perenggan yang tidak diminitkan bagi perkara 7.4 f) di muka surat 16

Berkenaan bunyi bising dari Badminton Hall, Pusat Penjaja Atria. Dimaklumkan kerja-kerja meletakkan beberapa item untuk mengurangkan bunyi bising di bilik blower pada hujung tahun 2020 atau awal tahun 2021 akan dibuat. Beliau mengemukakan pertanyaan bilakah perkara ini akan di bawa ke mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga dan apakah status terkini perkara tersebut.



Pindaan ayat bagi perkara 7.8.1 d) perenggan 6 di muka surat 20

...iaitu pembinaan jalan di Jalan PJU 3/31 Petaling Jaya...

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 MAC2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (98))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK TERENCE TAN TECK SENG

7.1.1 Isu Sisa Pepejal

Memandangkan masalah sisa pepejal bukan setakat di Petaling Jaya, akan tetapi di seluruh Malaysia, beliau mencadangkan agar majlis memulakan satu program 'recycle' dengan kerjasama dengan KDEB.

Kutipan sisa pepejal oleh KDEB bagi kawasan di bawah pentadbiran MBPJ telah mencecah sebanyak 224,000.00 tan pada tahun lepas dan purata lebih kurang 615.00 tan setiap hari.

Sekiranya tidak ada satu 'drastic measure' dilakukan, 'landfill-landfill' yang kita ada sekarang tidak akan dapat menampung jumlah sampah pada suatu hari nanti.

Untuk makluman YBhg. Datuk Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat, pendidikan 'recycling' haruslah bermula daripada umur tadika lagi, akan tetapi tiada satu langkah yang agresif dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam hal kitar semula ini. Setakat ini, semua 'recycling' program adalah hangat-hangat tahi ayam sahaja.



Antara cadangan-cadangan beliau ialah:

- i) Kita bermula dengan apa yang paling asas sekali dalam hal `recycling` ini iaitu `separation of waste at home`. Sebagai permulaan, hanya tiga (3) barang yang paling kerap kita gunakan, plastik, kertas dan tin-tin aluminium.
- ii) Menyeru dan menggalakan penduduk-penduduk di Petaling Jaya untuk turut serta.
- iii) Berbincang dengan pihak KDEB untuk keluarkan satu jadual khas kutipan barang-barang yang boleh dikitar semula.

Sebagai contoh, Isnin untuk plastik, Selasa untuk kertas dan sebagainya. Ataupun kita boleh mengikut jejak MBSA, iaitu kutipan pada setiap hari Ahad untuk kesemua barang-barang yang boleh dikitar semula.

Beliau berpendapat sekiranya kita tidak bermula dengan program asas atau permulaan, kita tidak akan dapat bermula untuk semua program besar.

Beliau berharap agar cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh mesyuarat.

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan oleh Encik Terence Tan Teck Seng. Di dalam taklimat yang disampaikan oleh KDEB semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar tempoh hari ada mencadangkan setiap PBT mewujudkan `one stop center`. Idea oleh Encik Terence Tan Teck Seng iaitu program `recycle` bermula daripada rumah patut diketengahkan. Pengasingan akan dilaksanakan oleh `World Wide` di mana sampah-sampah menjalani proses pengasingan di tapak pelupusan. Pengasingan sampah di rumah telah bermula di beberapa kawasan di Petaling Jaya. Program ini telah dapat menjimatkan kos sebanyak 20 tan dan berharap dengan adanya kerjasama dengan NESTLE dapat mengurangkan kutipan dan kos pengurusan sampah. Di Selangor ini ada dua `landfill` yang masih beroperasi dan tiada penambahan serta Selangor ke arah teknologi baharu di dalam pengurusan sampah.

Beliau berharap agar pihak KDEB membuat perancangan yang lebih efektif di dalam menangani isu sampah di Selangor.



SULIT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dan YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. YBhg. Datuk Pengerusi turut menjemput semua ahli mesyuarat ke program MOU bersama NESTLE pada jam 2.30 petang.



(TPr. HJH. SHARIPAH MARHAINI BINTI SYED ALI, PPT)

Timbalan Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

BERTARIKH : 2 APRIL 2021



SULIT

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.



16. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Rahibah binti Che Omar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Ng Yih Miin,
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Norah binti Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan,
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Chang She-Yun,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
3. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
4. Ybgh. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.



5. Puan Azizah binti Kosni,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
6. Encik Ismathinoon bin Abd Rahman, P.J.K., P.P.T., (Google Meet)
Wakil Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
7. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
8. Puan Mahzura binti Mohd Amin, (Google Meet)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.
9. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
12. Puan Ruzaida binti Tormodi, (Google Meet)
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
13. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Puan Tee Tzu Fong, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Sr. Hjh. Saliza binti Mohd. Masri, M.R.I.S.M, (Google Meet)
Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan),
Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

